

21/04/2001

Industri saham amanah ada potensi untuk berkembang

Veena Rusli; Zainab Mohd Yatim; Manzaidi Mohd Amin
INDUSTRI saham amanah yang menyumbang antara lapan hingga 10 peratus kepada pemodal pasaran ketika ini mempunyai potensi untuk berkembang, kata Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Walaupun angka itu adalah jauh lebih rendah berbanding sumbangan antara 20 dan 40 peratus di Amerika Syarikat dan Australia, beliau berkata, ia tetap membawa petanda bahawa masih ada banyak ruang boleh dimanfaatkan.

Justeru, katanya, kesedaran dan pemahaman orang ramai terhadap pelaburan dan saham amanah serta kepentingannya kepada pertumbuhan ekonomi negara perlu dipertingkatkan terlebih dahulu.

"Sehubungan itu, usaha PNB menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) untuk mendidik masyarakat mengenai pelaburan dan saham amanah seharusnya mendapat sokongan daripada orang ramai.

"PNB akan terus mengamalkan sikap berhemah dalam menguruskan pelaburannya selain memastikan ia mempunyai potensi untuk meningkat dan mampu memberikan pulangan yang berdaya saing dalam jangka panjang" katanya berucap pada majlis perasmian MSAM 2001 di Kota Bharu, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahmad Sarji berkata, prestasi pengurusan PNB dapat dilihat menerusi pegangan ekuitinya dalam syarikat besar yang terbabit dalam sektor utama ekonomi, sekali gus menyumbang kepada arus perdana negara.

Kekuatan PNB, katanya, turut menyaksikan PNB menguasai ekuiti syarikat yang dulunya dimiliki bangsa asing seperti Kumpulan Guthrie Bhd, Golden Hope Plantations Bhd, Sime Darby Bhd dan Malaysia Mining Corporation Bhd.

Katanya, pembabitan itu turut meningkatkan peluang pekerjaan dan bilangan pekerja mahir di kalangan Bumiputera.

Sehingga kini, tegasnya, tenaga profesional Bumiputera yang dilahirkan PNB melalui 22 syarikat pelaburan strategiknya adalah sebanyak 53 peratus daripada jumlah guna tenaga profesional negara, berbanding 36 peratus tenaga mahir yang dihasilkan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7).

Ahmad Sarji berkata, PNB turut berjaya membangunkan 563 usahawan melalui sistem francais dan vendor dengan perniagaan bernilai lebih RM453.4 juta.

"Melalui syarikat seperti Golden Hope, Kumpulan Guthrie, Austral Enterprise dan Sime Darby pula, PNB menguasai lebih satu juta ekar (400,000 hektar) tanah perladangan di negara ini dan berjaya mewujudkan 100,000 peluang pekerjaan," katanya.

MSAM 2001 berlangsung selama empat hari mulai hari ini hingga Selasa ini di Dewan Perbandaran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), di sini.

(END)